

Temui artis di USIM pada Sabtu, Ahad

SEREMBAN 22 Nov. - Orang ramai berpeluang beramah-mesra bersama artis terkenal tanah air yang dibawa khas sempena penganjuran Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 di Nilai dekat sini.

Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad, Hazura Ahmad Jalil berkata, sesi beramah-mesra itu akan dijalankan bermula pukul 2 hingga 5 petang pada Sabtu dan Ahad ini di USIM.

“Antara artis yang bakal hadir ialah Fizo Omar, Kamal Adli, Intan Ladyana dan Pierre Andre serta pelakon cilik yang semakin menyinar iaitu Mia Sara.

“Tujuan sesi beramah-mesra ini adalah untuk memberi peluang kepada para peminat mendekati serta bergambar dengan artis tempatan,” katanya di sini hari ini.

Jelasnya, artis berkenaan akan berada di gerai promosi Kumpulan Utusan di tapak pesta.

“Orang ramai diharap tidak melepaskan peluang bersama-sama memeriahkan pelbagai program serta aktiviti yang disediakan,” ujarnya.